

Bersatu bukan untuk bermusuh

“Bagus kalau hendak bersatu untuk kepentingan orang Melayu tapi kita kena ingat bahawa kita tidak perlu bersatu semata-mata untuk menentang orang lain.”

BH 2 JAN 2001

– Dr Mahathir Mohamad

Oleh Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan orang Melayu supaya bersatu demi menjaga kepentingan bangsa dan bukan untuk bermusuh dengan orang lain.

“Bagus kalau hendak bersatu untuk kepentingan orang Melayu tapi kita kena ingat bahawa kita tidak perlu bersatu semata-mata untuk menentang orang lain.

“Kita cuma perlu menjaga kepentingan kita saja. Jangan pula kita bermusuh dengan orang lain apabila kita bersatu,” kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas kesediaan Umno untuk berbincang dengan Pas dan Keadilan bagi menyatukan orang Melayu.

Pelbagai pihak termasuk Pas dan Keadilan telah memberi reaksi positif terhadap usaha Umno itu.

Semalam, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata beliau mengalu-alukan kesediaan Umno untuk memulakan dengan secepat mungkin usaha mengajak parti pembangkang Melayu duduk semeja membincangkan soal penyatuan semula orang Melayu.

Dalam sidang akhbar pada majlis rumah terbuka Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) sempena Tahun Baru 2001 di Pusat Da-

ngan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, Umno dan Barisan Nasional (BN) juga tahun ini berazam menjadikan soal perpaduan sebagai agenda utamanya.

“Kita akan tumpukan soal perpaduan dalam perbincangan Umno, parti komponen BN dan orang Melayu,” katanya yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu mesti terus berjuang untuk memperolehi kejayaan yang lebih besar supaya dapat memperkuatkan kedudukannya serta mampu membantu golongan yang lemah dan masih ketinggalan.

Katanya, orang Melayu tidak harus berbangga dan bermegah dengan kejayaan yang dicapai sekarang kerana bangsa itu masih jauh ketinggalan dan memerlukan bantuan kerajaan.

“Orang Melayu tidak sedar mengenai kelemahan mereka. Hanya kerana beberapa orang daripada mereka berjaya sikit, mereka sudah rasa kuat,” katanya.

Mengenai harapan beliau sempena tahun baru ini, Dr Mahathir berkata, beliau berharap rakyat akan terus memelihara keharmonian kaum di tengah-tengah

Dunia cemburu perpaduan kaum di Malaysia

DARI MUKA 1

tuntutan sensitif yang dibangkitkan kumpulan tertentu.

“Kini daripada sebuah masyarakat yang amat harmoni kita menjadi masyarakat yang suka berbalah. Jadi saya berharap pada tahun 2001 rakyat akan kembali sedar dan memulihkan semula keharmonian kaum yang telah dicapai selepas sekian lama berusaha,” katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat telah mencapai satu tahap keharmonian kaum yang dicemburui oleh seluruh dunia.

Terdahulu, pada majlis itu Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut memotong kek Tahun Baru 2001 dan beramah mesra serta bergambar bersama tetamu.

Turut hadir, Presiden PPP, Datuk M Kayveas dan isteri, Datin Blanche Kayveas; Naib Presiden Kanan PPP, P C Low dan Ketua Wanita PPP, Dr P Vasantha.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai lawatan kerjanya ke Myanmar selama dua hari mulai Rabu ini, Dr Mahathir berkata, beliau akan menemui pemimpin negara itu untuk berbincang soal berkaitan Asean.

Katanya, peranan Myanmar dalam Asean sehingga kini menunjukkan perkembangan positif.

LIHAT MUKA 2